

84

NO. SOALAN: 230

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN
ABBAS [TELOK KEMANG]**

RUJUKAN : 10447

SOALAN:

**Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas [Telok Kemang] MENTERI DALAM
NEGERI menyatakan :-**

- (a) rancangan Kerajaan dalam mencari formula baru terhadap ancaman dadah dalam kalangan remaja Malaysia yang boleh mengakibatkan gejala sosial dan jenayah; dan
- (b) pendekatan Kerajaan terhadap gejala pengedaran dadah bentuk baru seumpama 'gula-gula' atau 'candy' dalam kalangan pelajar sekolah yang boleh memperdayakan mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Dasar Dadah Negara mempunyai 5 teras utama iaitu Teras Pencegahan, Teras Rawatan dan Pemulihan, Teras Penguatkuasaan, Teras Kerjasama Antarabangsa dan Teras Pengurangan Kemudaratan.

Antidadah Kebangsaan (AADK) telah melaksanakan Program Perangi Dadah Habis-Habisan (PDH) melibatkan aktiviti seperti berikut:

- i. *Omnipresence*;
- ii. Ops Cegah;
- iii. Ops Bersepadu / Ops Sarang;
- iv. Media;
- v. Ikon Antidadah; dan
- vi. *Community Empowerment*.

Pendekatan ini dilaksanakan melalui tiga strategi teras iaitu pendidikan pencegahan, rawatan dan pemulihan serta penguatkuasaan dadah. Program khusus di bawah strategi pencegahan dadah terus dijalankan dengan lebih meluas seperti Keluarga Bebas Dadah, Institusi Pendidikan Bebas Dadah, Tempat Kerja Bebas Dadah dan Komuniti Bebas Dadah melalui usahasama atau *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) dengan Kementerian / Jabatan / Agensi lain.

(b) Polis Diraja Malaysia (PDRM) memandang serius isu pengedaran dadah dalam negara dan sentiasa mengambil tindakan berterusan bagi membanteras aktiviti pengedaran dadah. Tiada kes tangkapan dan rampasan melibatkan pelajar sekolah berkaitan isu pengedaran dadah gula-gula atau “candy” yang tular baru-baru ini. Namun, PDRM akan sentiasa memantau isu ini dan jika terdapat maklumat, tindakan akan diambil mengikut undang-undang yang sedia ada.

SOALAN (231)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[TELOK KEMANG]

SOALAN :-

YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan rancangan Kerajaan berkaitan Perumahan Transit Belia dan keberkesanan projek tersebut memandangkan ianya adalah suatu projek perniagaan model baru iaitu projek kerjasama pihak Kerajaan dan swasta.

88

Jawapan :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perumahan Transit Belia (MyTransit) merupakan satu inisiatif baharu di bawah Jabatan Perumahan Negara (JPN) yang telah diumumkan dalam Bajet 2017 dengan sasaran 10 ribu unit rumah di bandar-bandar utama seluruh negara bagi tempoh pelaksanaan 5 tahun.

Sebagai permulaan YAB Perdana Menteri telah melancarkan 2,010 unit MyTransit di Mukim Batu dan Mukim Kepong, Kuala Lumpur pada 18 September 2017 yang dijangka siap pada tahun 2021. Perumahan Transit Belia ini terdiri daripada dua jenis iaitu studio unit berkeluasan 400 kaki persegi dan apartment dua bilik berkeluasan 550 kaki persegi.

Antara keistimewaan MyTransit adalah seperti:

- (i) kadar sewaan unit adalah **30% lebih rendah** daripada harga pasaran di mana Kerajaan telah bersetuju kadar sewa ditetapkan pada kadar **RM400 sebulan** bagi **Unit Studio berkeluasan 400 kaki persegi** dan **RM550 sebulan** bagi **Unit 2 Bilik berkeluasan 550 kaki persegi**;
- (ii) terdapat elemen *forced saving* yang akan dipulangkan kepada penyewa setelah tamat tempoh penyewaan. Simpanan ini akan dapat membantu menyediakan sebahagian deposit bagi pembelian rumah yang kekal kelak;
- (iii) Perumahan Transit Belia ini juga akan dilengkapi dengan perabot asas bagi memberikan keselesaan kepada penyewa dan membantu penyewa menyimpan wang tanpa perlu membelanjakan wang simpanan bagi pembelian perabot untuk perumahan transit ini.

90

Adalah diharapkan melalui pelaksanaan inisiatif ini, Kerajaan akan dapat membantu golongan belia mengurangkan kos sara hidup di bandar terutama berkaitan kos penyewaan rumah.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2017